

FAEDAH MEMAKAI “PROSTHESES” PAYU DARA



Memakai prosthesis silicon selepas pembedahan payu dara (“mastectomy”) adalah perlu dari segi perubatan untuk mengekalkan keseimbangan berat dan bentuk dada serta belakang. Pengekalan berat dan bentuk adalah penting untuk penyebaran tulang belakang, bahu dan dada yang seterusnya akan bantu mengurangkan dan mencegah masalah postur, tengkuk dan belakang.

Beberapa soalan yang mungkin dibangkitkan:-

S. Apa dia prosthesis payu dara dan mengapa saya perlu memakainya?

J. Prosthesis payu dara atau payu dara palsu direkabentuk untuk dipakai diluar badan dan hampir sama dengan rupa, rasa dan berat payu dara semulajadi. Dari segi fizikal, prosthesis payu dara akan mengembalikan bentuk kewanitaan dan perasaan keseimbangan. Dari segi psikologi pula, memakai prosthesis payu dara akan menolong memulihkan keyakinan diri.

S. Berapa lama selepas pembedahan boleh saya memakai prosthesis payu dara?

J. Beberapa hari selepas pembedahan, sejenis bentuk payu dara yang berisi serat (“fibre”) boleh dipakai. Prosthesis ini boleh mengembalikan bentuk, adalah ringan dan dapat mengurangkan alahan kepada tisu yang sensitif. Antara 6 dan 8 minggu selepas pembedahan, prosthesis payu dara silikon untuk gunaan tetap boleh dipasangkan.

S. Mengapa saya patut memakai prosthesis payu dara silikon?

J. Prosthesis payu dara silikon mempunyai banyak kelebihan berbanding dengan lain-lain jenis bentuk payu dara. Ianya direkabentuk untuk menyerupai payu dara semulajadi dari segi berat, penampilan dan tekstur. Gerakan prosthesis payu dara silikon adalah seakan-akan payu dara semulajadi dan ianya menyerasi dengan sendiri kepada suhu badan.

S. Perlukah saya memakai baju dalam khas dan bagaimana hendak memilih baju dalam yang sesuai?

J. Baju dalam “mastectomy” mempunyai poket yang dijahit terus di sebelah dalam untuk menampung dan menetapkan kedudukan prosthesis payu dara. Adalah penting untuk memakai baju dalam yang padan ukuran dan upaya menampung berat prosthesis payu dara. Bantuan profesional dalam proses pengukuran dapat menolong memastikan saiz yang betul.

S. Bagaimana dapat saya menentukan jenis bentuk baju dalam dan prosthesis yang sesuai bagi saya?

J. Sifat badan dan pembedahan sesorang itu, serta kewujudan pilihan gaya dan saiz yang luas, bermakna ukuran dengan bantuan profesional adalah amat penting. Seorang pengukur yang terlatih dan berpengalaman boleh membantu memilih gaya dan bentuk prosthesis yang sesuai. Prosthesis payu dara seharusnya terasa selesa dan sepadan dengan payu dara yang tinggal dari segi bentuk dan saiz.

S. Bagaimana harus saya menjaga prosthesis payu dara dan berapa lama ianya akan tahan?

J. Prosthesis payu dara patut dicuci dengan air suam dan sabun sederhana dan ditekap kering perlahan-lahan selepas guna. Semasa tidak diguna, ianya patut di simpan di dalam kotak untuk mengekalkan bentuknya dan mengelak dari kerosakan. Sekiranya prosthesis dijaga seperti yang dinasihati, ianya akan tahan lama tetapi perhatian perlu diambil semasa menangani alat-alat tajam agar salutan prosthesis tidak tertembuk dan dirosakkan. Sesebuah prosthesis boleh tahan sehingga 5 tahun; walau bagaimanapun, kesusutan atau kenaikan berat badan mungkin memerlukan perubahan saiz prosthesis dan baju dalam. Ukuran semula setiap 2 tahun disyorkan untuk memastikan prosthesis dan baju dalam masih padan.

Amanita Services Sdn Bhd (788618-H)
Lot 1.06, 1st Floor, The Ampwalk, 218 Jalan Ampang, 50450 Kuala Lumpur, Malaysia
Tel: 603-2162 8215 Fax: 603-2163 6172 Email: info@amanita.com.my

Subang Jaya Medical Centre, 1 Jalan SS12/A, 47500 Subang Jaya, Selangor, Malaysia
Tel/Fax: 603-5639 1540